

**Parlimen: SC Dan Bursa Malaysia Siasat Perubahan Harga Saham Air Asia Dan MAS  
Bernama  
13 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia akan menyiasat perubahan harga saham Air Asia Bhd dan Malaysian Airlines (MAS) ekoran penggantungan urus niaga saham AirAsia dan MAS pada 9 Ogos lepas.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata SC dan Bursa Malaysia akan melakukan kajian mengenai perubahan harga saham itu.

SC dan Bursa Malaysia juga memantau rapi dari semasa ke semasa pergerakan saham, termasuk perkembangan saham korporat dan sebarang pergerakan luar biasa dari segi harga dan jumlah dagangan, katanya.

Najib berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Wee Choo Keong (Bebas-Wangsa Maju) yang meminta penjelasan Menteri Kewangan sama ada SC dan Bursa Malaysia menyedari saham AirAsia meningkat manakala saham MAS susut sebelum penggantungan urus niaga saham itu.

Wee berkata saham AirAsia meningkat, dalam trend yang belum pernah berlaku sebelum ini, bermula 20 Julai, 2011, sebelum tarikh penggantungan urus niaga itu, dengan harga ditutup pada RM3.95 sen, namun MAS ditutup pada harga RM1.60 sen.

Namun, pada 9 Ogos, pada tarikh penggantungan urus niaga, saham AirAsia menurun manakala harga saham MAS naik, kata Wee.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619783>